



Berakar & Dibangun Dalam Kristus (Kolose 2:7)

Isu No 32
Ogos 2010

Mesej daripada Bisyp

The Rt Rev Datuk Albert Vun Cheong Fui



Pada tahun ini, Sinod Diosis akan bermesyuarat pada akhir bulan Ogos 2010 (Pertemuan Sinod Diosis setahun sekali). Selain daripada membincangkan perkara-perkara yang lain, kita juga akan membincangkan hala tuju Diosis. Apabila banyak gereja di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, New Zealand dan negara-negara yang lain dipengaruhi oleh budaya pada hari ini lebih daripada mahu berlandaskan kepada kekuasaan iman kita yang diwahyukan dalam Alkitab; kita mahu memperkuatkan lagi pembangunan Kesatuan Anglikan pada 12 tahun yang akan datang atau tahun-tahun seterusnya. Selepas usaha lebih daripada satu dekad, kita masih tidak dapat melihat kepemimpinan yang jelas untuk menyelesaikan masalah ketidaktaatan yang serius kepada Tuhan. Satu yang dapat digambarkan ialah apakah yang akan diperkatakan oleh Kristus yang bangkit sekiranya Dia melawat Gereja Anglikan seperti yang Dia telah lakukan di 7 buah gereja dalam kitab Wahyu. Walaupun kita telah mencari penyelesaian pada tahun-tahun yang lepas, kita juga mendapati bahawa sebaik sahaja ia dimulakan, tidak lama kemudian, usaha yang dilaburkan tidak akan berhasil. **"Berjalankah dua orang bersama-sama, jika mereka belum berjanji?" Amos 3:3.** Kita perlu bertanya kepada diri sendiri apakah hasil daripada pelaburan masa, tenaga dan sumber kita yang begitu

banyak? Sekurang-kurangnya kita boleh mengatakan bahawa ramai perhatian bisyp yang terganggu daripada pekerjaan misi yang lebih penting, pemuridan, penginjilan dan penggembalaan di gereja-gereja kita. Gereja-gereja kita di kebanyakan tempat tidak berkembang. Hakikatnya, gereja-gereja kehilangan jemaahnya. Sebagai sebuah Diosis, kita tidak mempunyai pilihan tetapi berdepan dengan diri kita sendiri dengan keperluan untuk membuat keputusan bagaimana kita boleh taat setia kepada Tuhan Yesus Kristus dan panggilan-Nya ke atas gereja-Nya. Kita meminta rakan sepelayanan untuk berdoa untuk kita dan bersama-sama dengan kita. Kita meminta Tuhan memberikan kita kejelasan dan keberanian untuk menjadikan prinsip kita yang utama betul: taat setia kepada Kristus dan melakukan apa yang telah Dia ajar kepada kita dalam Alkitab.

Kita juga akan meluangkan masa untuk menajamkan strategi-strategi kita untuk membangunkan semua gereja dan membina iman jemaah kita. Kita akan terus memperluaskan dan menggandakan pembangunan kawasan misi yang baru, menanam gereja baru, dan meningkatkan komitmen kita dalam misi.

Dari satu segi yang memberangsangkan, kita berasa bangga untuk melaporkan pertumbuhan yang berterusan dalam kehadiran Kebaktian Ahad di Diosis kita. Secara purata, kita telah melihat pertambahan lebih daripada 2000 setiap tahun di dalam kehadiran Kebaktian Ahad pada empat tahun yang lepas. Dengan pertolongan Tuhan, kita telah mampu untuk mengatasi masa yang mana kita tidak mempunyai peningkatan. Tahun ini, kehadiran purata Kebaktian Ahad telah bertumbuh lebih daripada 25,000. Momentum ini berterusan. Dengan penekanan yang lebih diletakkan ke

atas gereja-gereja di pekan kecil, dalam penanaman gereja-gereja baru, dan dalam latihan kepada semua gereja untuk menjadi lebih efektif dalam penginjilan dan pemuridan-kita dapat melihat pertumbuhan hampir di semua 230 lebih gereja di Diosis.

Kita juga terdorong untuk melihat pertumbuhan dalam pelayanan muda-mudi dan kanak-kanak. Kita akan terus meletakkan usaha yang lebih dan perhatian untuk meningkatkan pertumbuhan muda-mudi dan kanak-kanak sehingga kita mencapai sekurang-kurangnya setengah daripada gereja kita yang berumur 24 tahun ke bawah (24.7 merupakan umur purata bagi populasi Malaysia). Saya akan menggunakan lebih banyak sumber untuk dilaburkan dalam pelayanan muda-mudi dan kanak-kanak. Kita menantikan satu penuaian yang besar pada tahun-tahun yang akan datang apabila kita meningkatkan lagi "kerja menabur".

Saya meminta semua gereja kita untuk lebih banyak berdoa. Kita meminta Tuhan menolong di mana yang kita lemah. Kita meminta Tuhan menyediakan di mana kita kekurangan. "Mintalah dan akan diberikan." Janganlah kita tawar hati. Marilah kita terus membangunkan di antara satu sama lain untuk mengasihi dan melakukan pekerjaan yang baik. Jangan menjadi suam-suam kuku atau cepat berpuas hati. Marilah kita menjadi kuat dalam kerohanian kita. Berdoa untuk pelayanan saya sebagai Bisyp. Berdoa supaya saya tidak akan tawar hati apabila berasa putus asa dan berhadapan dengan halangan yang besar. Berdoa untuk saya supaya mempunyai keberanian untuk menyampaikan firman Tuhan.

Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih atas sokongan dan dorongan anda kepada saya dan keluarga. ♦

Khemah Muda-mudi Diosis (Cina)

14 - 17 Jun 2010



Pada 14-17 Jun, berdekatan dengan Tip of Borneo, seramai 612 orang muda-mudi yang berkumpul untuk Khemah Muda-mudi Cina di Gereja Anglikan St James, Kudat, Sabah. Pemuzik dan artis-artis dari Hong Kong turut berada dalam khemah ini dan juga Faith Christian Centre, Sunway yang baru-baru ini telah melancarkan album yang kedua mereka 'Life Enlivened'. Lebih daripada 60 orang muda-mudi yang menerima Yesus Kristus sebagai Tuhan dan Penyelamat mereka dalam khemah ini dan seramai 271 orang muda-mudi yang menyerahkan semula hidup mereka kepada Kristus; sementara 140 orang muda-mudi yang menjawab panggilan Tuhan dalam pelayanan sepenuh masa!

Khemah Muda-mudi Diosis (BM)

7 - 10 Jun 2010

Khemah muda-mudi BM Diosis Sabah tahun 2010, telah berlalu dengan baik. Penyertaan secara keseluruhan seramai 1595 orang. Pada malam kebaktian penginjilan, seramai 48 orang buat pertama kali menerima Tuhan Yesus sebagai Tuhan dan Penyelamat mereka. Selain itu seramai 29 orang yang membuat keputusan untuk melayani Tuhan. Penceramah khemah muda-mudi tahun ini iaitu Bishop Melter Jiki Tais (Pembantu Bishop Diosis Sabah), Rev. Canon Musa Ambai, Rev. Canon Lidis Singkung, Rev. Samamadin Uloi, Rev. Cleranice Fu, Rev. Jackson Araman, dan Rev. Arun Kuak. Semasa khemah ini, semua peserta dikerahkan untuk memberkati seluruh Pekan Telupid dengan mengadakan kerja amal memungut sampah. Puji Tuhan secara keseluruhan khemah ini berjalan dengan lancar.



Sekolah Pastor Muda-mudi (Cina & Inggeris)

22 - 31 Mac 2010

Sekolah Pastor Muda-mudi merupakan sebahagian daripada program latihan Diosis untuk memperlengkapinya pekerja muda-mudi di seluruh Diosis. Latihan ini diberikan untuk membantu mereka jelas akan panggilan, keperibadian dan persaingan melalui pengajaran Alkitab, pembentukan peribadi dan sebagai alat yang praktikal bagi pelayanan mereka. Sekolah Pastor Muda-mudi berada di bawah penyeliaan Komiti Vokesyen Diosis yang telah membantu ramai pekerja muda-mudi untuk bergerak ke arah pengajian teologi dan pengembalaan.

Diosis telah menjalankan Sekolah Pastor Muda-mudi selama 16 tahun yang lalu. Pada mulanya, ia dikenali sebagai *Intrigue* (Latihan intensif dalam Injil kepada Para penginjil Bandar) dan kemudiannya diubah kepada *Sekolah Pastor Muda-*



Gambar berkumpul peserta di Sekolah Visi Anglikan, Tawau.

mudi pada tahun 2001 apabila fokus dalam latihan merangkumi perlengkapan dan kemahiran pengembalaan. Kita bersyukur kerana ramai di antara mereka yang menjadi pastor dan misionari di Diosis kita. Kita berbangga dengan Rev David Wong, Rev Lin Khee Yun, Rev Jeremiah Liew, Ps Janet Lee, Ps Chin Yock Len and Ps Wong Hyen Tze yang merupakan kelas

pertama pada tahun 1994. Rev Chin Pit Yun, Rev Genry Caluste, Rev Ho Kee Chung, Rev Alan Lim Heng Long, Rev Samuel Sampe, Ps Faustina Foo juga menyertai latihan ini beberapa tahun.

Dengan adanya 'saksi-saksi' ini, saya mahu menggalakkan 31 orang pekerja dalam Kelas 2010 untuk tetap setia kepada Tuhan. Saya mahu mencabar anda untuk turut menyertai mereka dalam pelayanan sepenuh masa. Tuhan Yesus dengan jelas menggesa kita untuk melihat ladang yang **sudah matang dituai (Yohanes 4:35)** Desakan dalam penuaian disebabkan kita akan menderita akibat kehilangan. Ia juga berbicara tentang kekurangan pekerja untuk melakukan pekerjaan Tuhan. Adakah anda akan berdoa dan menawarkan diri anda untuk pekerjaan Tuhan?

Khemah Belia Diosis (Cina & Inggeris)

"Mengalami Tuhan"

15 - 18 September

Pusat Retret Doa Kokol, Kota Kinabalu

Khemah Muda-mudi Diosis (Inggeris)

"Generasi Impak: Bersemangat Mengenali-Nya"

29 November- 2 Disember

Sekolah Visi Anglikan, Bandar Sri Indah, Tawau.



Sila hubungi kaunter informasi di gereja anda untuk mendapatkan borang pendaftaran atau sila muat turun daripada: www.anglicansabah.org

Anglikan Global Selatan Keempat kepada Pertembungan Selatan

19 - 23 April 2010

Dipetik daripada
<http://www.anglikan.org.sg/index.html>

Anglikan Global Selatan Keempat kepada Pertembungan Selatan mengambil tempat di Singapura dari 19-23 April 2010. Tema untuk pertemuan ini ialah: "Injil Yesus Kristus-Perjanjian untuk Umat; Terang bagi Bangsa-bangsa." Kami sangat takjub dengan kuasa Injil ini kerana kami bertemu bersama dari seluruh pelusuk dunia yang disatukan oleh komitmen kami terhadap Yesus Kristus dan perisytiharan mesej-Nya tentang jaminan berkekalan dan perubahan yang terbuka kepada semua orang. Kepastian kami diperbaharui untuk membantu di antara satu sama lain dalam menggenapi Amanat Agung untuk menjadikan seluruh bangsa murid-Nya dan melakukan apa yang diperintahkan Kristus.



Kebaktian Pentahbisan

20 Jun 2010



Ini merupakan kebaktian pentahbisan yang dikendalikan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia. 3 orang paderi telah ditahbis pada 20 Jun 2010.

Konferensi Pendidikan Awal Kanak-kanak Diosis

7 - 8 Jun 2010



Gambar berkumpulan peserta di luar Wisma Anglikan.

"Anda seharusnya kembali dengan sebuah lagu di dalam hati anda dan sebuah tarian untuk kaki anda!" Dengan ini, Bishop mengakhiri ucapannya kepada 50 orang ahli jawatan-kuasa tadika dan taska, pengetua-pengetua dan guru-guru dari seluruh diosis. Ramai chaplain (paderi) yang turut hadir.

Konferensi Pendidikan Awal Kanak-kanak Diosis, telah diadakan pada 7-8 Jun di Wisma Anglikan, Kota Kinabalu, yang telah dipanggil oleh Bisyop untuk mengumpulkan semua wakil daripada semua 12 buah tadika dan taska di diosis. Sangat menyedihkan kerana sebanyak 5 buah tadika yang telah ditutup pada 4 tahun yang lalu (oleh pelbagai sebab), tetapi bersukacita dengan prospek akan pembukaan 3 buah yang baru pada tahun-tahun akan datang. Inilah masa yang cukup baik untuk diosis mengukuhkan sumber-sumbernya untuk terus melayani komuniti dalam pendidikan awal kanak-kanak. Badan Diosis telah diadakan di bawah kepimpinan Archdeakon Moses Chin, untuk memberi kuasa dan memperlengkapi

semua tadika dan taska untuk melayani dengan standard yang lebih tinggi; ada di antaranya harus mempunyai matlamat institusi yang terutama.

Badan ini sedang berusaha membentuk pentadbiran, mengatur tanda aras lawatan, menyediakan latihan profesional dan menanam tadika dan taska baru. Setiap tadika dan taska merupakan pusat jangkauan untuk mengongsikan kasih Tuhan di dalam Yesus Kristus. Tidak ada pendidikan yang sempurna tanpa kanak-kanak yang dididik dengan cara Tuhan. Dengan dorongan sedemikian, pelayanan diosis dalam pendidikan awal kanak-kanak boleh memandangkan kepada masa depan dengan lagu dan tarian!

Pentahbisan Gereja Anglikan Roh Kudus, Kunak

23 Mei 2010

Pusat Penjangkauan Kunak telah bermula pada tahun 2005 dengan sekumpulan kecil dari Pelayanan BM St Patrick, yang sekarang ini telah berkembang kepada purata kehadiran seramai 110 jemaah.

Pada tahun 2009, dua lot kedai baru telah dibeli di bandar baru Kunak di jalan utama. Pengubahsuaian dimulakan tidak lama kemudian dan gereja berpindah ke tempat penyembahan yang baru pada 25 Dis 2009.

Pentahbisan gereja baru yang dinamakan sebagai Gereja Anglikan Roh Kudus telah diadakan pada Minggu Pentakosta, 23 Mei 2010 oleh Bisyp



Albert Vun. Kebaktian dihadiri oleh lebih daripada 250 orang. Selain daripada jemaah Kunak, Majlis Gereja dan perintis awal dari Gereja St Patrick, Tawau turut hadir. Wakil-wakil dari Lahad Datu, Semporna dan Sandakan turut memberkati perayaan ini.



Perkembangan Pusat Doa Kokol

21 Julai 2010



Bangunan untuk Pusat ini sudah selesai dan kerja penyiapan sedang dalam digiatkan. Kerja penutupan jubin di bahagian dalaman hampir siap. Sistem pempaipaan dan pemasangan untuk tandas juga sedang digiatkan. Kerja dalam bekalan air dan elektrik juga dilaksanakan serentak. Kanopi hadapan dan belakang di bawah pembinaan dan akan berjalan seiringan dengan kerja infrastruktur dalaman. Perabot untuk pusat ini juga telah sampai dan akan dipasang sebaik sahaja kerja pembangunan diselesaikan.


Perkembangan Akademi Anglikan Faith

9 Jun 2010



Permandangan dari luar.

Akademi Faith Faith Christian Centre (FCC) di Sunway, Petaling Jaya akan dilancarkan pada September 2010, sementara menunggu kerja pengubahsuaian selesai.



Tingkat bawah pusat pembelajaran..

Ini merupakan sekolah swasta gereja kita yang ketiga di bawah Badan Akademi Anglikan Diosis Sabah yang menggunakan Kurikulum Accelerated Christian Education (ACE) yang juga dikenali sebagai Sekolah untuk Hari Esok. Akademi ini terletak di penjuru kedai lot perindustrian yang hanya berhadapan dengan FCC.

Pengubahsuaian sedang dijalankan untuk membina 3 pusat pembelajaran, 3 bilik mengajar, pejabat, dapur dan kafeteria untuk melayani pelajar pada masa hadapan dan juga termasuk jemaah FCC.

Akademi Faith akan dijalankan di bawah FCC sebagai sebahagian daripada pelayanan gereja di kawasan Sunway.

Berdoa untuk kami dalam persiapan mengambil pelajar dari tadika sehingga gred 12, mendidik mereka dalam persekitaran Kristian dan mengajar nilai-nilai Kristian untuk membina sifat-sifat yang baik dalam kehidupan mereka.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Datin Mary Vun (019-8079436) atau Chong Hui Ling, FCC (016-2193029)

Kerja-kerja misi di Nunukan

2 Jun 2010



Archdeakon dan Mrs John Yeo, Archdeakon Moses Chin dan Ps Philip Lo telah melawat Nunukan pada 2 Jun 2010 dalam perjalanan ke Siemanggaris. Purata kehadiran mingguan telah bertambah kepada 160 orang dan Rev Samuel Sampe sedang merancang untuk membuka kebaktian kedua. Pelayanan di Gereja Raja Segala Raja di Nunukan akan diperluaskan dengan van Avanza baru yang diberikan oleh Gereja St Patrick.

Misi Jangka Pendek Diosis - Rangsit, Bangkok

13 - 19 Mei & 15 - 21 Julai 2010



Waktu Pujian dan Penyembahan semasa di kelompok sel bersama kumpulan misi yang dipimpin oleh Ps Stella.

Sekumpulan 6 orang yang dipimpin oleh Ps Stella Lo telah berada di Rangsit, Thailand pada 13-19 Mei. Kumpulan ini telah disambut dengan, "Kenapa kamu berada di sini semasa keadaan riuh-rendah di negara kami?" Sambutan tersebut menajamkan visi dan tujuan bagi lawatan mereka. Mereka berada di sana untuk mengasahi Thailand. Kasih melalui tindakan termasuklah memasak untuk para misionari, menyokong mereka dalam segala apa yang mereka lakukan, serta berdoa untuk mereka dan pelayanan mereka di Pusat Penjangkauan Anglikan Rangsit (RAOC). Kumpulan misi juga menghabiskan masa untuk membuat lawatan, doa berjalan dan doa memandu. Mereka berada di luar untuk cuba 'masuk' ke dalam kehidupan kota tersebut dan juga kehidupan rakyat Thai yang indah. Kasih mereka terhadap rakyat Thai bertumbuh dengan lebih mendalam pada setiap masa, dan beban mereka untuk

menginjil kepada negara tersebut bertambah setiap hari.

Mereka diberkati oleh masa yang diluangkan bersama dengan para misionari dan bersyukur bahawa mereka dapat (untuk jangka pendek) melibatkan diri dalam pelayanan di sana. Kemuliaan kepada Tuhan.

Pada 15 - 22 Julai, sekumpulan 8 orang dari FCC yang dipimpin oleh Jimmy

2010

Misi jangka pendek ke Rangsit

9 - 14 September
11 - 17 November



Kursus gitar asas yang dikendalikan oleh Danny Wong.

Wong, melawati RAOC. Kumpulan ini perlu merancang waktu mereka untuk mengecat empat bahagian dinding di pusat tersebut dan juga untuk aktiviti misi yang lain. Di Universiti Rangsit pula, mereka menolong semasa Inauguration Night of the Powered Youth Club pada 19 Julai bersama dengan YWAM Thailand, yang mana merupakan satu laluan bagi para pelajar untuk mengenal Tuhan melalui kelab pelajar Kristian ini. Selain daripada kejayaan satu kursus gitar asas, tiga sesi Deep & Strong juga dikendalikan atas topik 'Kutukan Generasi & Ilmu sihir', 'Akar kepahitan & Penghakiman' dan 'Pengampunan' untuk melayani jemaah gereja Thai. Keseluruhannya, kumpulan misi ini belajar untuk bergantung kepada Tuhan di ladang misi, kerana Tuhan akan membuka jalan dan memberi peluang untuk menyentuh hidup dan melayani melalui karunia dan kemahiran mereka dengan pelbagai cara.

Konvensyen Pelajar Kristian Malaysia

21 - 25 Jun 2010

Para pelajar (berumur daripada 9-18 tahun) dari Akademi Anglikan All Saints (ASAA) dan Akademi Anglikan St Patrick (SPAA) dalam Akademi Anglikan Sabah serta para pelajar dari 3 buah sekolah ACE yang lain di Semenanjung Malaysia telah mengikuti Konvensyen Pelajar Kristian yang pertama dan telah diadakan di Sekolah Visi BSI, Tawau, dari 21 sehingga 25 Jun. Seramai 210 (pelajar, guru-guru dan beberapa ibu bapa) yang telah mendaftarkan diri sebagai peserta sepenuh masa. Program pada waktu pagi ialah pertandingan dari segi akademik,



muzik, seni, sukan dan acara-acara platform. Ramai ibu bapa tempatan dan keluarga yang juga telah hadir dalam persekutuan pada sebelah malam bersama dengan para pelajar, dan Ps Moses Afful telah mengongsikan tema konvensyen iaitu "Menunjukkan

Perbezaan' yang mencabar pelajar untuk mempunyai perbezaan dalam dunia dengan kehidupan dan kebolehan mereka, serta mempersembahkannya kepada Tuhan. Lebih daripada separuh peserta yang memberikan respons untuk menyerahkan semula hidup mereka dan beberapa orang pelajar yang belum percaya menerima Kristus untuk kali yang pertama. Kita mengucapkan syukur kepada Tuhan untuk respons yang baik dan kesaksian yang menarik hasil daripada konvensyen ini.



Doa Berjalan tiga bahasa, yang dipimpin oleh Ps Flora telah diadakan untuk semua gereja Anglikan di Kota Kinabalu pada 2 Mei. Setiap gereja telah menggerakkan jemaah mereka seminggu sebelumnya untuk datang dengan penuh semangat pada petang Ahad.



Setiap gereja berdoa untuk kawasan yang dipilih dan bertolak dari tempat pertemuan di Katedral All Saints. Ia menyerupai sekumpulan tentera yang keluar berperang bersama dengan Yesus Kristus sebagai komander kita!

Doa Berjalan bertujuan untuk memberkati Kota Kinabalu, sebagai persiapan untuk kerja penginjilan dan pertemuan Penginjilan yang akan dijalankan pada Mei dan Jun.

Kita percaya dengan sepenuh hati apabila kita berdoa, Tuhan bergerak!

Gereja-gereja yang turut menyertai:
Church of the Risen Christ, Inanam;
Church of Our Redeemer, Kolombong;
Christ Church Likas, Christ the King,
Gereja Good Samaritan; Gereja Anglikan D'Stream; Gereja Anglikan Heritage; Gereja St Andrew, Tuaran; Gereja Anglikan Logos, Putatan and Church of Ascension, Papar.

Retret dan Latihan Pelayanan Kanak-kanak Diosis (BM)

15 - 17 Mac 2010



Peserta sedang menerima Perjamuan Kudus.

Sebelah Atas Kanan: Sesi Pujian dan Penyembahan di Lembah Berkat.



Puji Tuhan atas segala perbuatan dan pekerjaan-Nya semasa Retret dan Latihan Pelayanan kanak-kanak BM Diosis di Pusat Lembah Berkat Telupid pada 15-17/3/10. Seramai 416 guru pelayanan kanak-kanak menyertai Retret dan Latihan tersebut. Melalui Retret sehari yang dibawa oleh Rev. Augustine Saang, para peserta telah diberikan pelayanan pembebasan/pemutusan daripada kutuk yang diwarisi daripada nenek moyang agar pelayanan mereka

tiada hambatan/halangan demi mendidik anak-anak hidup menurut kebenaran firman Allah. Mereka juga diajar bagaimana mengajar anak-anak dengan menggunakan bahan pelajaran yang sudah disediakan. Pada malam penutup, Bishop Melter mencabar dan memperingatkan para guru melalui Matius 19:13-15, bahawa anak-anak juga dipilih Tuhan untuk diselamatkan.

Latihan Pemimpin Kanak-kanak Diosis (Cina & Inggeris)

6 - 10 September
Katedral All Saints, Kota Kinabalu

Pendaftaran boleh didapati di setiap pejabat gereja.



Latihan Penginjilan 'Release'

17 - 18 Mei 2010



Pada 17 hingga 18 Mei, Diosis Anglikan Sabah menjadi tuan rumah bagi penginjilan Tony Anthony, seorang penginjil antarabangsa, di Katedral All Saints untuk mengongsikan pengalaman lampaunya dan perubahan yang menakjubkan daripada gaya kehidupannya yang memusnahkan. Bercakap kepada seramai 431 orang, Tony menyampaikan Injil melalui kesaksiannya yang dramatik. Pada malam yang terakhir, seramai 32 orang yang memberikan respons kepada cabaran untuk menyerahkan semula hidup mereka

kepada Kristus dan seramai 11 orang yang menerima Kristus sebagai Tuhan dan Penyelamat.

Pada hari yang seterusnya, lebih daripada 130 orang yang telah menghadiri latihan penginjilan yang dikendalikan oleh Tony, dengan para peserta yang datang daripada Brunei, Lahad Datu dan Tawau. Tony telah mengendalikan latihan ini dengan satu kepercayaan bahawa penginjil merupakan orang yang melatih orang lain untuk melakukan penginjilan. Dia juga akan mengongsikan

dengan bersemangat bahawa setiap orang yang percaya mempunyai tanggungjawab dan keutamaan untuk melakukan penginjilan dan akibatnya sekiranya tidak mengisytiharkan Injil. Selain daripada menunjukkan rahsia strategi Syaitan untuk tidak menggalakkan orang yang percaya melakukan penginjilan, beliau juga mengajar para peserta 7 langkah bagaimana melakukan penginjilan melalui risalah-risalah penginjilan, pemerhatian, interaksi langsung dan sebagainya.

Latihan Penginjilan Efektif

21 - 25 Jun 2010



Anglikan Diosis Sabah telah diberkati dan berpeluang untuk mempunyai pengkhotbah dan penginjil undangan, Robert Siakimotu, dalam latihan lima hari di Katedral All Saints dari 21-25 Jun. Mengongsikan pengalaman peribadinya, ditambah dengan jenaka, Robert mengajar dan memberikan beberapa petunjuk secara praktikal dalam penginjilan peribadi kepada pemimpin Anglikan, penginjil dan peserta. Para peserta juga disediakan dengan bahan-bahan visual yang boleh digunakan dan membantu mereka dalam mengongsikan Injil. Salah satu daripada yang ditekankan dalam latihan ini ialah seramai 300 orang peserta yang dihantar keluar dalam kumpulan dan berpasangan, di pusat membeli-belah yang berlainan di Kota Kinabalu, untuk mengongsikan Injil dan risalah-risalah dan jemputan ke malam penginjilan. Lebih daripada 100 orang yang mendengar Berita Baik semasa penginjilan yang dijalankan di jalanan

dan sekurang-kurangnya 7 orang yang menerima Kristus sebagai Tuhan dan Penyelamat mereka.

Dalam 3 malam yang berturut-turut daripada Khamis sehingga Sabtu, Robert berkhotbah dan menjemput orang untuk datang ke hadapan untuk menerima Kristus dan didoakan. Kaunselor-kaunselor termasuk paderi dan pastor, bersedia untuk mendoakan dan melayani mereka yang datang ke hadapan. Terdapat seramai 43 orang yang membuka hati dan 55 orang yang menyerahkan semula hidup mereka kepada Yesus Kristus pada malam-malam tersebut.

Ramai peserta yang kembali ke gereja mereka dengan semangat penginjilan yang diperbaharui dan paderi-paderi juga teruja untuk memperlengkapi jemaah mereka dengan bahan-bahan dan pengetahuan yang telah diterima dalam latihan ini.

PROGRAM AKAN DATANG

September

- 29 Ogos - 1 Sept Sinod Diosis ke-26
- 5 Minggu Vokesyen
- 6 - 10 Latihan Pemimpin Kanak-kanak Diosis (Cina & Inggeris)
- 7 - 10 Khemah Belia Diosis (BM)
- 14 - 17 Seminar Pemimpin Awam Diosis BM
- 15 - 18 Khemah Belia Diosis (Cina & Inggeris)
- 16 - 21 Misi Jangka Pendek Diosis - Rangsit, Bangkok
- 22- 23 Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Vokesyen Diosis (Temuduga ke-2)

Perlantikan

- ♦ Rev. Tan Chor Kee sebagai Rektor di Faith Christian Centre (FCC), Sunway.
- ♦ Rev. Eric Ling sebagai Paderi penguasa di Gereja Good Samaritan, Kota Kinabalu.
- ♦ Ps. Jacob Lim sebagai Pastor di Katedral All Saints, Kota Kinabalu.
- ♦ Ps. Phong Su Yung sebagai Pastor di Gereja St. Patrick, Tawau.
- ♦ Rev. Lin Khee Vun - 1 tahun pengajian di Kolej Trinity, Bristol, UK.

Kursus & Latihan Alpha & Pelayanan Pelajar

Mei - Jun 2010

Kampus Alpha



Christ the King telah mengadakan Kampus Alpha BM pada 23 Januari sehingga 13 Mac (7 minggu). Kami memuji Tuhan dengan kehadiran purata seramai 42 orang pelajar dari pelbagai kampus di Kota Kinabalu - Universiti Malaysia Sabah (UMS), Masterskills, Politeknik Kota Kinabalu, Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM), Institut Latihan Perindustrian (ILP) and Institut Kemahiran Mara (IKM).

Antara topik yang disampaikan semasa Kampus Alpha ialah 'Siapakah Yesus dan Mengapakah Yesus mati?',

'Bagaimana saya yakin iman saya?', 'Mengapa dan bagaimana saya membaca Alkitab dan berdoa?', 'Siapakah Roh Kudus?' dan 'Bagaimana dengan gereja?'

Selain daripada mempelajari firman Tuhan, Kampus Alpha juga telah menjadi landasan bagi para pelajar untuk membina persahabatan dari kampus dan latar belakang yang berlainan. Memang benar, kami melihat kesatuan dalam kepelbagaian apabila kasih Kristus menyatukan kami bersama.

Latihan Alpha & Alpha Muda-mudi



Latihan Alpha Muda-mudi dikendalikan di Faith Christian Center (FCC), Sunway pada 14-16 Mei. Jonathan Tse merupakan penceramah undangan dan latihan ini dihadiri oleh seramai 39 orang peserta dari FCC dan gereja-gereja yang lain di Lembah Klang.

Alpha Muda-mudi yang sedang dijalankan di Gereja Risen Christ, Inanam dan Gereja Our Redeemer, Kolombong sangat diberkati dengan rakan-rakan dan pelawat yang baru. Seramai 22 orang muda-mudi yang menerima Kristus pada sesi yang pertama di Inanam!



Kursus Perkahwinan

Christ the King telah mengadakan Kursus Perkahwinan yang keempat pada 30 Mac - 11 Mac 2010. Seramai 4 pasangan yang menghadiri kursus ini. Antara topik yang disampaikan ialah Membina Dasar yang Kuat, Seni Komunikasi, Penyelesaian Konflik, Kuasa Pengampunan, Ibu bapa dan Mertua, Seks yang Baik dan Kasih dalam Tindakan.

Pelayanan Pelajar Miri



Pelayanan Pelajar Miri telah bermula pada 2 tahun yang lalu dengan satu objektif untuk menyediakan penjagaan rohani kepada pelajar yang menuntut di Universiti Curtin, Miri, Sarawak. Sejak

itu, kami melihat ramai pelajar yang bertumbuh dalam Tuhan. Ada yang sudah menamatkan pengajian dan masih melayani Tuhan. Terdapat kelompok sel mingguan dan pelajar berkumpul bersama untuk mendorong dan membangun di antara satu sama lain. Buat masa ini, terdapat purata seramai 40 orang pelajar yang mengikuti Kebaktian Ahad di Gereja Good Shepherd, Lutong. Pelayanan sekarang di bawah penyeliaan Rev Timothy Sng. Setiap Ahad, paderi dan pastor dari Diosis Sabah akan bergilir ke Miri untuk menyampaikan firman Tuhan. Kami juga mempunyai pelayanan tempatan dari Miri yang bekerjasama dengan kami. Teruskan menyokong pelayanan ini dalam doa.

KOMITI PENYUNTING

Penasihat

The Rt Rev Datuk Albert Vun

Penyunting

Beatrice Goh

Ps Philip Lo

Ps Stella Lo

Ps Lydia Chang

Ps Chong Fui Yun

Alamat Surat-menyurat

Wisma Anglican
Jalan Lee Tet Phui
88000 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

P O Box 10811, 88809 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Talian

Tel: +6 0 88 249296 / 245846 / 264025

Fax: +6 0 88 261422

E-mail: dosabah@gmail.com

Website: www.anglicansabah.org